

16 APR 2001

Mahathir-Pendidikan

KERAJAAN AKAN TELITI SEMULA SISTEM PENDIDIKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji semula sistem pendidikan negara ini yang dikatakan tidak mencapai kejayaan seperti diharapkan.

"Sistem ini ada masalah yang perlu dibetulkan. Kerajaan akan teliti masalah itu kerana terdapat perkara yang berlaku sehingga ramai yang tidak faham dengan agenda sistem pendidikan di negara ini," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Pada mesyuarat berkenaan, Dr Mahathir berkata satu taklimat mengenai sistem pendidikan dan pencapaian diadakan dan MT menganggap sistem pendidikan di negara ini terdapat kelemahan-kelemahan tertentu.

Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan sebagai kelemahan itu, Dr Mahathir berkata bahawa ada pihak yang menganggap kononnya sistem pendidikan di negara ini mengasing-asingkan kaum dan dikatakan terlalu menekankan soal-soal agama Islam.

"Umpamanya di sekolah kebangsaan, penekanan soal-soal agama menyebabkan orang bukan Islam tidak berminat untuk ke sekolah kebangsaan," katanya.

"Anggapan ini mengakibatkan ibu bapa bukan Melayu tidak berminat untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata terdapat juga pihak-pihak yang berpendapat bahawa sistem pendidikan di negara ini mengasingkan kaum-kaum di negara ini.

Selain itu, ada perkara lain yang dianggap penting di sekolah kebangsaan Cina tidak diberi keutamaan di sekolah kebangsaan dan ini juga menyebabkan ibu bapa bukan Islam kurang berminat menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, kata beliau.

"Padahal, hasrat sebenar kerajaan menubuhkan sekolah kebangsaan ialah untuk menarik lebih ramai murid-murid bukan Melayu belajar di sekolah kebangsaan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata jika sekolah kebangsaan dijadikan lebih menarik penuntut kaum India dan Cina akan lebih berminat menyertai sekolah berkenaan.

-- BERNAMA

MS ZS FAZ